

31 OCT 1996

DUA QARI MEMPERDENGARKAN BACAAN MALAM PERTAMA TILAWAH

IPOH, 31 Okt (Bernama) -- Dua qari dan seorang qariah memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci Al-quran pada malam pertama majlis Tilawah Peringat Kebangsaan kali ke-39 di Stadium Perak di sini malam ini.

Mereka ialah qariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Puan Afifah Haji Bachok, qari Negeri Sembilan Encik Muhamad Akib Haji Mat Din dan qari Melaka Encik Rashid Haji Kasim.

Seramai 29 qari dan qariah dari seluruh negara termasuk dua johan menunggu mengambil bahagian pada majlis tilawah selama lima hari hingga Isnin ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan majlis itu. Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Negara Datuk Halim Ali, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman dan Menteri Besar Perak tan Sri Ramli Ngah Talib.

Majlis perasmian tilawah itu disiarkan secara langsung melalui saluran pertama Televisyen Malaysia dan radio satu. Ia juga disiarkan secara langsung ke beberapa buah negara Islam termasuk Arab Saudi.

Sebaik sahaja Dr Mahathir menamatkan ucapannya, beliau menekan butang dan serentak itu astaka berbentuk rumah tradisional Melayu Perak diterangi lampu warna-warni.

Ini diikuti dengan persembahan laser berwarna-warni berlatarbelakangkan bacaan ayat suci Al-Iqra'.

Kumpulan hadrah Sagor kemudian mempersembahkan hadrah, yang merupakan amalan tradisi masyarakat Islam Perak.

Tiga kumpulan nasyid dari Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sultan Azlan Shah Bota, Maktab Perguruan Kinta, Ipoh dan Sekolah Kebangsaan Seri Kerian, Parit Buntar memperdengarkan empat buah nasyid. -- Bernama

LAT OBA